

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG TACK [ BENTONG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan kawasan tadahan air dilindungi, khasnya di Bentong. Ini memandangkan Bentong bukan sahaja membekalkan air mentah untuk kegunaan penduduk tempatan tetapi juga untuk pengguna-pengguna di Lembah Klang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Pertamanya, ingin saya jelaskan bahawa pengawasan ke atas kawasan tadahan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) amat memandang serius aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan impak negatif kepada kawasan tadahan air. Dalam hal ini, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus menjalankan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) ke atas premis-premis dan aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada perundangan tersebut.

2. Selain itu, aktiviti seperti pembukaan tanah bagi tujuan pertanian dan sebagainya yang tidak tertakluk kepada AKAS 1974, aktiviti tersebut juga boleh menyumbang kepada hakisan dan kelodakan yang boleh menjejaskan kualiti air dan kawalan sewajarnya perlu dilaksanakan. Dalam hal ini, peranan

**NO. SOALAN : 20**

dan kerjasama semua pihak termasuk Kerajaan Negeri dan pemilik projek adalah penting dalam usaha untuk melindungi kualiti air terutamanya di kawasan tadahan air.

3. Selain itu, KASA juga mengesyorkan supaya semua negeri mewartakan kawasan tadahan air dan melakukan kawalan melalui penguatkuasaan sebagai langkah melindungi kawasan tersebut.

Sekian. Terima kasih.